

# Pakar sangkal orang Melayu pendatang

**KUALA LUMPUR 29 Jan.** - Beberapa pakar akademik dan penyelidik tempatan hari ini menyangkal dakwaan segelintir pihak yang mengatakan orang Melayu adalah pendatang sebaliknya bangsa tersebut adalah berasal dan menjadi penduduk awal di Kepulauan Melayu.

Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Prof. Datuk Seri Dr. Md. Salleh Yaapar berkata, hujah itu berasaskan empat perkara iaitu penemuan hasil sejarah dan arkeologi, geografi serta budaya rakyat.

Katanya, ramai yang mendakwa orang Melayu adalah pendatang kerana salah faham mengenai sejarah Melaka iaitu peralihan Parameswara dari Palembang ke Singapura pada 1389 dan Melaka pada 1402.

"Peralihan lokasi Parameswara itu adalah kerana berpindah dari satu daerah ke daerah yang lain dalam wilayah besar Kepulauan Melayu kerana pemerintahan Srivijaya turut meliputi negeri-negeri di

Semenanjung.

"Perpindahan tersebut sekaligus menafikan dakwaan yang mengatakan orang Melayu berasal dari Taiwan dan Yunnan kerana berdasarkan teori Peter Bellwood yang bertajuk 'Keluar dari Taiwan' mendapati rumpun Melayu-Polynesia telah berhijrah dari selatan negeri China melalui Taiwan sekitar 4,000 tahun lalu," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Forum Bicara Bestari Institut Alam dan Tamadun Melayu (Atma) 'Melayu Bukan Pendatang' di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi dekat sini.

Pengarah Penyelidikan Institut Farmaseutikal dan Nutrasetutikal Malaysia, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Madya Dr. Zafarina Zainuddin dan Felo Penyelidik Utama Alam, UKM, Prof. Emeritus Datuk. Dr. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman turut menjadi panel jempotan dalam forum tersebut.

Mengulas lanjut, Md. Salleh berpendapat, penyelidikan ilmiah da-

lam bidang sejarah dan arkeologi perlu dipertingkatkan bagi mendidik masyarakat mengenai susur galur suku bangsa masing-masing.

Katanya, adalah mengecewakan apabila terdapat segelintir golongan sarjana dan pemimpin politik turut bersetuju dengan dakwaan tersebut sedangkan sejarah Melayu dihargai di peringkat antarabangsa misalnya, di New Zealand menerusi penubuhan Māori Malay Polynesian Ancestral Nations Society Incorporated.

Sementara itu Zafarina berkata, hasil kajian ujian *asid deoksiribonukleik* (DNA) yang dilakukan beliau mendapati usia orang Melayu dan Orang Asli antara 50,000 hingga 60,000 lebih tua, berbanding orang Cina di Tanah Besar China yang 10,000 tahun lebih muda.

Katanya, kajian yang sama turut mendapati pergerakan manusia di China bermula dari selatan ke utara negara tersebut selepas berlakunya banjir besar di Benua Sunda yang menyebabkan kenaikan paras air laut.